

# info kampus



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-672153 Telefax: 082-672155 e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 44 - Feb 05

15hb Mac 2005



**Sekalung Budi dan Penghargaan**  
muka surat 8 & 9



**Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dan jasa dibawa mati**



**Benchmarking visit to Perak - page 12**

## inside !



Mesej Prof Madya Dr Fatimah

Syabas to our Dancing Troupe

Retreat Perancangan Strategi

PEWANI Rewards

Seminar Ekonomi & Kewangan Islam

Benchmarking in Perak

VC Award for Rosainie

Pameran Rekacipta

**Integrity, Accountability and Quality**

Assalamu a'laikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya bagi pihak warga kampus UiTM Cawangan Sarawak mengucapkan tahniah kepada Pengarah Kampus atas penganugerahan pangkat profesor. Kami semua mendoakan agar Prof sentiasa maju jaya.

Bagi UiTM Cawangan Sarawak, pihak penganjur telah memilih Tebingan Sungai Sarawak (Waterfront), Kuching sebagai tempat untuk Hari Bertemu Pelanggan kali ini kerana tempatnya yang strategik iaitu mudah dikunjungi dan mempunyai ramai



## Mesej Timb. Pengarah (HEA) Prof Madya Dr Fatimah Bujang

pengunjung terutama sekali pada hujung minggu. Pilihan tempat yang tepat ini telah dibuktikan oleh bilangan pengunjung yang telah datang berduyun-duyun pada hari tersebut. Jumlah pengunjung yang telah datang melawat gerai-gerai pameran dianggarkan seramai 7000 orang pada hari tersebut. Pengunjung terdiri daripada ibubapa dan mereka yang menunggu keputusan SPM, STPM dan orang-orang dewasa yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan PhD. Ramai pelanggan yang datang bertanya tentang program yang ditawarkan di UiTM dan kelayakan masuk serta tempat program tersebut ditawarkan. Ada juga pelanggan yang membawa sijil-sijil dan bertanyakan apakah program yang layak bagi kelulusan yang dimiliki. Dari maklumbalas yang saya terima, pensyarah-pensyarah yang bertugas di gerai-gerai pameran telah menunjukkan kesediaan dan memberi penerangan yang jelas kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh pelanggan. Saya selaku pengerusi keseluruhan bagi Jawatankuasa Pengelola Hari Bertemu Pelanggan UiTM Cawangan Sarawak mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ketua Program kerana telah berjaya melakukan yang terbaik. Saya rasa terharu kerana bukan saja pada hari tersebut ramai pensyarah yang turun padang untuk bertemu pelanggan tetapi ada juga yang bertugas dari pagi hingga ke petang. Syabas dan tahniah

diucapkan kepada mereka. Ada staf sokongan yang memberitahu saya mereka terkejut dengan kehadiran pensyarah yang begitu ramai pada hari tersebut. Saya berharap bantuan dan sokongan yang serupa dapat diteruskan di masa yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua pelajar yang telah berjaya mendapat Anugerah Dekan dan Anugerah Naib Canselor bagi peperiksaan semester yang lepas. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Timbalan Naib Canselor Akademik yang telah sudi memberi ucpatama pada Majlis bagi meraikan kejayaan pelajar-pelajar cemerlang tersebut yang telah diadakan pada 5 Februari 2005.

Tahniah juga diucapkan kepada pelajar pra graduan terbaik keseluruhan dan pelajar terbaik di peringkat program UiTM Cawangan Sarawak yang telah diumumkan pada malam pra graduan pada 12 Mac 2005.

Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menduduki peperiksaan kepada semua pelajar-pelajar UiTM dan saya doakan semoga lulus dengan cemerlang. Kepada semua pensyarah yang terlibat dengan pengawasan peperiksaan, saya minta agar dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi seperti biasa.

Wassalam.



# A Proud Moment for Our Performing Artists

Nuran Syaziyah Razali

Rumpun Seni UiTM Sarawak recently won the Pertandingan Tarian dan Lagu Asli, Peringkat IPT, Kolej dan Maktab, Negeri Sarawak 2005 held on February 4, 2005 at Jubilee Hall organized by UiTM. This was the first time that our campus emerged champion. Besides the UiTM team, Unimas, Unitar and Kolej Chermaj Jaya also took part. Unimas and Unitar emerged first and second runners-up respectively. Kolej Chermaj Jaya received a special award-Kumpulan Harapan. Besides being the champion in the dance category, our university also won some special awards from the judges, namely The Best Choreography Award and The Best Costume Award. Our representative for the traditional song category, Salinah Arsah emerged the first runner up.

The victory did not end there. Two weeks later, our university stole the show at the Festival Budaya UiTM 2005. Our dance group was crowned the champion and our theatre group, second runner up. It was an encouraging achievement as it was the first time our theatre group took part in the competition. This festival was organized by UiTM Shah Alam and all other UiTM campuses participated. We took home two special awards, The Best Creative Dance and The Best Creative Costume.

Mas Adi Alamin, President of Rumpun Seni, enthused, "We would like to express our gratitude to Mr. Sapawi and choreographer Mr. Mohd Isa Edy Wahab who guided, encouraged and motivated us. We are truly overwhelmed by the success of Rumpun Seni. This has been the greatest success since the establishment of our Club."

"It was a sweet surprise when we won the prize," said Zakiyah Nawi, a performer, commenting on the success of Teater Bergadang.

## Setinggi-tinggi tahniah

dan syabas kepada ahli-ahli Kelab Kebudayaan & Kesenian UiTM Sarawak. Seluruh warga kampus kita berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh anda.

1. Johan Keseluruhan Pertandingan Tarian Peringkat UiTM di Shah Alam
2. Johan Tarian Kreatif Peringkat UiTM di Shah Alam
3. Busana Terbaik Pertandingan Tarian Peringkat UiTM di Shah Alam
4. Tempat Ketiga Teater Peringkat UiTM di Shah Alam
5. Johan Pertandingan Tarian Peringkat IPT/Kolej/Maktab Negeri Sarawak
6. Naib Johan Pertandingan Lagu Asli Peringkat IPT/Kolej/Maktab Negeri Sarawak



"Kemenangan kami sewaktu pertandingan di DJ memang dapat dijangkakan kerana saya dapat menjangka formula kumpulan yang lain tetapi kemenangan di Shah Alam memang tidak dijangkakan kerana persaingan memang sengit. Alhamdulillah segala penat lelah kami terbayar juga dengan menjadi juara." - En Isa ( Koreografer )

" Apabila diumumkan sebagai juara saya dan rakan-rakan yang lain amat gembira. Saya tidak menjangkakan yang kami akan menang tetapi atas segala usaha kami selama ini, berbayar juga akhirnya. Jutaan terima kasih ingin saya ucapkan kepada koreografer kami, En Isa Edi atas dedikasi dan usaha beliau menjadikan kami juara di antara juara. Budimu akanku kenang." - Norhafizah ( Penari )



# Seminar Ekonomi Dan Kewangan Islam

Wan Salbiah

Pada 29 Januari 2005 yang lalu, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM Kampus Samarahan telah menganjurkan Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam di Dewan Kuliah 2, UiTM Kampus Samarahan. Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof Dr Abdul Rahman Deen, Pengarah UiTM Kampus Samarahan. Para peserta terdiri daripada kakitangan Hal Ehwal Akademik dan Pentadbiran dan juga para pelajar peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan.

Objektif seminar ini adalah untuk memberi kefahaman yang tepat mengenai operasi perbankan Islam, menjelaskan perlaksanaan produk perbankan yang diharuskan dalam Islam dan

memberi inspirasi kepada generasi akan datang untuk mempelbagaikan produk perbankan berdasarkan prinsip syariah bagi memenuhi keperluan masa.

Sewajar dengan objektif-objektifnya, sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu :

i ) Tajuk: "Penggunaan Kontrak Bai' Bithaman Ajil Dalam Bank Islam" yang dibentangkan oleh Encik Kamaruzzaman Padil, Pengurus Pemprosesan, BIMB Kuching.

ii ) Tajuk: "Penggunaan Kontrak Bai' Inah Dalam Bank Rakyat yang dibentangkan oleh Ustaz Mohd Zaki Ibrahim, Pengurus Jabatan Perundingan Dan Pengawasan Syariah, Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

iii ) Tajuk: "Insuran Islam (Takaful) yang dibentangkan oleh Ustaz Bakar Che Mat, Pensyarah Pusat Pemikiran Islam, UiTM Kampus Samarahan.

Di samping merealisasikan idea perubahan ke arah pemantapan profesionalisme dan intelektualisme khusus kepada para tenaga akademik dan amnya kepada seluruh warga UiTM Kampus Samarahan, diharapkan juga seminar ini dapat mengeratkan hubungan dan meningkatkan kerjasama CITU dengan semua fakulti khususnya Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan juga organisasi dan masyarakat luar UiTM.

## Retreat Perancangan Strategik

Ibrahim Morshidi

Pada 29 November - 1 Disember 2004 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak telah mengadakan Retreat Perancangan Strategik UiTM Sarawak 2004 yang telah berlangsung di Santubong Resort Kuching. Retreat ini adalah bertujuan untuk mencipta "BluePrint" bagi UiTM Sarawak ke arah mencapai status Universiti Bertaraf Dunia. Pada hari pertama Retreat, tiga "Keynote Addresses" telah disampaikan iaitu:

1. "Hala Tuju Universiti Bertaraf Dunia" yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik), Y.Bhg Dato' Prof. Ir. Dr Sahol Abdul Hamid.
2. "Cabaran Universiti Bertaraf Dunia" yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Penyelidikan), Y.Bhg Dato' Prof. Dr. Abdul Halim Mohd. Nawawi, dan
3. "Perlaksanaan Perancangan Strategik" yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ismail Rahmat, Timbalan Ketua Pusat Perancangan Strategik UiTM.

Ini telah disusuli dengan perbincangan dalam kumpulan yang telah dibahagikan kepada enam (6) sesi perbincangan iaitu:

1. Sesi I - "Reflection of Success and Achievement UiTM Sarawak"
2. Sesi II - "SWOT Analysis"
3. Sesi III - "Determination of Goals, Objectives, Strategies and Performance Indicators."
4. Sesi IV - "Presentation and Discussion of Goals Strategies

and Objectives"

5. Sesi V - "Documentation of the Plan"
6. Sesi VI (a) - "Making Blueprint Towards A World Class University"
7. Sesi VI (b) - "Summary of the Retreat"

Retreat Perancangan Strategik UiTM Sarawak 2004 telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik), Y.Bhg Dato' Prof Ir. Dr Sahol Abdul Hamid. Antara lain Y.Bhg Dato' TNC (Akademik) mengingatkan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia, warga UiTM Sarawak mestilah mempunyai "Mindset" yang dikehendaki, serta mempunyai keyakinan yang tinggi ke arah merealisasikan aspirasi ini. Menerusi Retreat seperti ini, perancangan yang mantap ke arah merealisasikan sebuah Universiti bertaraf dunia akan dapat dilakukan.

Retreat yang berlangsung selama tiga hari ini, telah dihadiri oleh seramai 64 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Bahagian, Ketua Program, Koordinator Program dan Ketua Unit UiTM Sarawak.



## Bengkel Tangani Stres Dan Khidmat Pelanggan Berkualiti

*Muhammad Harrizz*

Pada 6 Januari, 2005 yang lalu, satu bengkel Pengurusan Pelanggan telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelanggan di Penview Inn, Kuching. Ianya disertai oleh sekumpulan staff UiTM Sarawak yang terlibat di dalam kegiatan atau tugas-tugas khidmat pelanggan di kampus. Bengkel tersebut dikendalikan oleh En. Muhamad Halil dari HKN Consult Sdn. Bhd. Bengkel tersebut bertajuk "Pengurusan Stres & Aspek Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti."

Di antara maklumat penting yang dapat disimpulkan dari bengkel tersebut adalah pentingnya menangani stres dengan baik bagi memastikan penyediaan khidmat pelanggan yang baik. Perbincangan bengkel turut menyimpulkan punca-punca stres termasuk faktor-faktor seperti mengejar tarikh akhir sesuatu tugas, hubungan dengan rakan sekerja, jumlah tugas, dan sebagainya. Hasil perbincangan kumpulan, peserta turut membenteng cara-cara menangani faktor-faktor tersebut di bahagian masing-masing. Antara cadangan bagi menangani stres (dari aspek peribadi dan kumpulan) termasuk perancangan awal, kesegaran fizikal dengan senaman dan bersukan, ketenangan melalui aktiviti kerohanian, keperihatinan terhadap rakan sekerja dengan bekerjasama, dan sebagainya.

Bagi aspek pengurusan pelanggan berkualiti, peserta juga turut ditayangkan sebuah video yang membayangkan kemungkinan kesan yang berlaku jika seseorang pelanggan tidak dilayan dengan memuaskan. Kesan negatif dari satu pengalaman negatif seorang pelanggan boleh mempengaruhi imej organisasi dengan mendalam, berbanding banyak pengalaman positif pelanggan-pelanggan. Oleh itu staff harus menyediakan khidmat pelanggan sebaik mungkin, bagi mengelak atau mengurangkan

kemungkinan keadaan seperti itu berlaku. Keperihatinan, kecekapan, ketulusan serta kesediaan ingin membantu, adalah penting dalam menyediakan khidmat yang baik di samping aspek-aspek seperti profesionalisma, tanggungjawab, dan sebagainya. Adalah diharapkan peserta bengkel telah mendapat manfaat perbincangan, pendedahan melalui program tersebut, serta ilham dan semangat bagi menyediakan khidmat cemerlang. Dengan itu khidmat pelanggan yang baik dapat disediakan kepada pelanggan-pelanggan kita iaitu mana-mana pihak yang berurusan dengan kita.

Tahniah diucapkan kepada pengelola atas kejayaan menganjurkan bengkel tersebut, terutamanya kepada Pn. Siniter Saba, Pn. Susana William, Pn. Noor Shima Antoni, Cik Dayang Nazari, serta Pof. Madya Pauline Achan.

(Gambar: Peserta dalam sesi perbincangan mengenai stres di tempat kerja serta langkah-langkah menanganinya)



**MITSA**  
Persatuan Alumni  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

### About Class Notes ...

The Persatuan Alumni UiTM Sarawak ( MITSA ) is interested in learning more about your accomplishments and other newsworthy activities. Please direct your information and photographs to: [lawatati@sarawak.uitm.edu.my](mailto:lawatati@sarawak.uitm.edu.my). Material submitted may be edited for clarity and/or length.

## Taklimat Kenaikan Pangkat

Ellen Chung

Pada Januari 14, 2005 yang lalu, TNC Akademik, Dato' Prof Ir Sahol Hamid Abu Bakar telah menyampaikan taklimat tentang kenaikan pangkat. Menurut beliau, antara syarat-syarat yang diperlukan untuk melayakkan diri bagi kenaikan pangkat ialah:

1. disahkan dalam perkhidmatan;
2. memiliki kelayakan ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya (untuk Gred DM 41 ke DM 46);
3. mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM (untuk Gred DM 41 ke DM 46, Gred DU/DM45/46 ke DU/DM52 dan Gred DU/DM 52 ke DU/DM 54 (Profesor Madya);

atau

mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terke-muka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM (untuk Gred DU/DM 54 ke Gred Khas C (Profesor Gred VK7);

4. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
5. diperakukan oleh ketua perkhidmatan.

Di samping itu, terdapat beberapa prinsip umum yang diberi pemberat mengikut gred jawatan sebagai kriteria penilaian bagi tujuan kenaikan pangkat:

1. Pengajaran dan Penyeliaan
2. Penyelidikan dan Penerbitan
3. Perundingan dan/atau Kepakaran
4. Persidangan
5. Khidmat universiti/masyarakat
6. Sanjungan dan anugerah akademik
7. Kepimpinan dan kualiti peribadi

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laman web: [www.uitm.edu.my/staffportal](http://www.uitm.edu.my/staffportal).

## Pameran Rekacipta, Inovasi dan Rekabentuk 2004

Sharifah Zakiah

Pameran Rekacipta, Inovasi dan Rekabentuk 2004 telah diadakan di perkarangan pusat pelajar kampus Samarahan pada 31 Januari 2005 yang lalu.

Ini dianjurkan oleh Unit Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersilan (URDC) Kampus Samarahan dengan kerjasama Institut Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersilan (IRDC), UiTM, Shah Alam

Seramai tujuh orang wakil dari kampus utama Shah Alam bersama-sama bahan-bahan pameran mereka yang memenangi pertandingan Rekacipta, Inovasi dan Rekabentuk 2004 telah berada di kampus kita atas jemputan Pengarah Kampus Profesor Dr Abdul Rahman Deen.

Sebelum itu, pameran dan pertandingan Rekacipta, Inovasi dan Rekabentuk telah diadakan selama dua hari bermula 23 hingga 24 Disember 2004 di Dewan Sri Budiman & Annexe, di Shah Alam.

Pertandingan dan pameran tersebut bertujuan mengenengahkan produk-produk baru hasil kajian penyelidik UiTM.

Sebanyak 73 produk dan penyelidik telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di Shah Alam yang terbuka kepada semua fakulti, institut, pusat, bahagian atau unit di dalam organisasi UiTM.

Objektif utama pertandingan adalah untuk mewujudkan budaya penyelidikan dan pembangunan di kalangan warga UiTM serta menjana rekabentuk dan ciptaan yang dapat dikomersilkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, pertandingan tersebut juga bertujuan untuk menyalurkan daya kreatif dan inovasi secara produktif, memilih hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan, meningkatkan imej UiTM sebagai pusat ciptaan di arena antarabangsa di samping sebagai pemberian insentif atau ganjaran kepada warga UiTM.

Sebanyak tiga kategori utama telah dipertandingkan: Kategori A untuk Rekabentuk, Hasil Visual, Artwork dan sebagainya, Kategori B untuk Inovasi produk atau Prototaip dan Kategori C untuk Idea, Konsep, Sistem, Proses, Perisian dan sebagainya.





## Hari bertemu dengan pelanggan



## Greetings from Tening

When Ellen invited me to write a short article for INFOKAMPUS, I leapt at it. Seizing this golden opportunity, I would like to send my very best wishes and gratitude to UiTM for giving me the opportunity to work and learn with them for about 5 years. It has been truly an invaluable experience. My only regret was that I wasn't given the time to say a proper goodbye to my superiors, colleagues and students that I'd been working with nor did I make the transition smooth (i.e. finding replacements etc) for UiTM and the students. I believe my sudden departure sparked a few speculations throughout the campus. My resignation was simply due to the fact that the company I am presently with needed me immediately. Adhering to UiTM's resignation policies they paid off the equivalent of one month's notice.

As soon as I came on board this investment firm, I was whisked off to various locations abroad in the company's efforts to familiarize and train me to deal with different types (and perfectly legal) business transactions and operations. It has been

undoubtedly one steep learning curve since. My management, organizational and interpersonal communication skills were put to the test. I had to learn to have the latest information at my fingertips.

Unlike academia where one's days are ruled by fixed daily timetables and semester schedules (where one can more or less expect how their days turn out), there will always be an element of surprise or uncertainty (whichever way one chooses to look at it) in my new line of work. Here one learns to make decisions and act as carefully and quickly as possible to meet these challenges. Time, as they say in the business world, is money.

I am thankful and lucky in a sense that I have very experienced bosses and colleagues whom I have come to respect for their work ethics and principles. Ever since joining them, they have not only been very supportive and keen in sharing their knowledge - but also took the time and effort in making me very much part of the team.


I have come to truly understand that all changes and challenges (no matter how difficult or stressful) present opportunities to learn and improve. Unsure as I was when I first started, I am thankful for this opportunity to learn something new.

I would like to conclude by wishing everyone at UiTM all the best!



# sekalung budi dan penghargaan

**Dear Prof Dr Rahman,  
congratulations and thank you  
for everything you have done  
for UiTM Sarawak**



"Prof Rahman, terima kasih di atas tunjuk ajar, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya dan HEP selama ini. Kepimpinanmu kami warisi, jasa bakti mu kami sanjungi. Iringan doa semoga sejahtera dan berjaya selalu." **Dr Ridzuan**

"Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan tunjuk ajar serta bimbingan daripada Prof selama ini. Dengan adanya Prof sebagai 'nakhoda kapal', UiTM Sarawak telah berjaya mendapat berbagai anugerah dan pengiktirafan daripada UiTM dan juga agensi-agensi luar." **Dr Fatimah Bujang**

"There is so much that we have learnt from you beside enjoying your caring, supportive and never-ending encouragement to always keep striving for excellence. Thanks Prof Dr Rahman. May Allah bless you with peace of mind and happiness always." **Khalid ( HEP )**

"Prof Dr Rahman, terima kasih kerana membimbing saya dan seluruh staf Pentadbiran selama ini. Kami amat berbangga dan bertuah kerana telah diberi kesempatan untuk menjadi rakan, adik dan staf di bawah kepimpinan seorang Pengarah kampus yang berani, dinamik dan berwawasan.

Prof telah menempatkan kampus ini di persada kegemilangan yang kini telah menjadi contoh bagi kampus-kampus yang lain. Kami berdoa semoga Prof dan keluarga akan terus berjaya dan dirahmati Allah SWT." **Ahmad Lotfi Hj Arrifin**

"I have worked with him for five years and I cherish the moments shared with a man of wisdom." **Mohd Yasmin Bongkik**

"He has been my mentor, not just a boss. The best I've ever had. He gives people a chance to prove themselves; when there's a complaint, he listens to both sides. Despite his tight schedule, he has time for us. We are going to miss him." **Hajah Lelawati**

"Saya bersyukur memiliki pengarah yang berketrampilan tinggi, bijak dan mampu menguasai situasi dalam memastikan kecemerlangan kampus UiTM Sarawak. Saya mengucapkan terima kasih di atas kepimpinan dan tunjuk ajar beliau sepanjang saya berkhidmat di kampus ini." **Dr Mohamad Ali Talib, Unit kesihatan**





"I am very fortunate to have had the opportunity to serve in Prof Dr Rahman's management team during the last three years. I find Prof to be a fair-minded person who is always considerate, approachable and friendly and strict at the same time. One quality of his that has always amazed me is his ability to recognise even little details.

Prof, working under your leadership has certainly been an honour for me and I would like to thank you for the guidance, motivation as well as the constructive criticisms, all of which have helped me immensely in my profesional career."

**Ibrahim Morshidi**

"You have been a very understanding boss, a leader of great quality and a good role model. Thank you for your excellent leadership and caring nature."

**Salmah Gany**

"an empathetic man... he always sees the positive side of things - you can go to him with a problem, and you will always leave his office feeling lighter ...sad that he is leaving". **Cik Norlida Nawawi**

".. an inspirational and supportive leader". **Dr. Simon Botley**

".. a far-sighted, dedicated and result-oriented leader who promotes teamwork." **Annie Wong,**

".. a very good and systematic man who follows procedures .." **Syuib Ismail**

".. considerate, and tolerant of shortcomings ..." **Ambi Kun,**

"I've worked for five bosses before, and he's the best ..." **Yussri Sawan**

"..hardworking and produces results ..." **Dayang Norsalam**

"... a good leader, approachable, supportive and friendly. Possesses transformational and transactional leadership styles and he has brought in a lot of changes and managed to lift the image of UiTM Sarawak ..." **Abang Yusuf**

"A manager for perfection who has shown us the real meaning of commitment towards our life, our struggle and our career. We will certainly miss his brand of leadership." **Jerome Roni @ Cornelius**


"Ucapan penghargaan untuk Prof Dr Abd Rahman Deen. Tidak dapat dinafikan segala kejayaan yang telah diperolehi melalui kepimpinan beliau telah meningkatkan lagi imej UiTM Sarawak, seterusnya mewujudkan keyakinan serta jati diri yang jitu di kalangan warga kampus. Selautan tahniah serta segunung terima kasih daripada kami. Namun begitu, adalah diharapkan beliau akan terus memberikan sumbangan sebagai sokongan kepada kepimpinan seterusnya mengharungi cabaran memartabatkan UiTM Sarawak ke arah universiti bertaraf dunia." - **Unit Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (UKPK)**

I am very grateful to Prof Dr Rahman Deen for all the guidance I have received from him. I take this opportunity to thank him for his support and patience and congratulate him on his recent promotion.- **Prof Madya Dr Margaret**

"Congratulations to Dr Abdul Rahman Deen on your recent elevation to full professorship after 30 years of loyal and dedicated service to UiTM Sarawak in a variety of capacities including as lecturer, course tutor, deputy director ( HEA & HEP ) and finally as Campus Director for the last 7 years. You deserve the promotion every bit." **Haji Shafie**

"Dari mahasiswa-mahasiswi, jutaan terima kasih diucapkan atas segala sumbangan Prof Dr. Abdul Rahman Deen dalam menyediakan kemudahan yang selesa kepada mahasiswa-mahasiswi UiTM Sarawak khususnya kemudahan kolej kediaman serta blok akademik dalam melahirkan mahasiswa yang cemerlang, gemilang dan terbilang serta semoga berjaya dalam kerjaya baru yang bakal diceburi kelak." - **Mohd Khairuddin, Yang di Pertua, MPP.**

"In any walk of life it is essential to have a good guide and I can imagine finding none better than Prof Dr Rahman. Over the years, he has always empowered and inspired everyone around him." - **Mazli Sharurain**





## Malam Pra Graduan

( Report in the next issue )



## Learning to sell ( Report in the next issue )



## Spelling Bee Contest

Sharifah Zakiah

It was a challenge of linguistic competence for six lecturers from the Language Department and two from the Faculty of Business Studies when they were invited to be the judges for the Spelling Bee Competition organized by UNITAR Sarawak Regional Centre on 26 and 27 February 2005 recently.

The eight lecturers were Ng Kui Choo, Sharifah Zakiah, Affiana Kadri, Affidah Morni, Amelia Alfred Tom, Johnny Ahmad, Thalany Kamri and Jati Kasuma Ali.

Held at UNITAR Sarawak Regional Centre at

Jalan Datuk Ajibah Abol in Kuching on Saturday 26 February and at Godown Amphitheatre, Kuching Waterfront on Sunday, 27 February, the competition entitled "Who is the Best Walking Dictionary" received a positive response from secondary school students in and around Kuching.

About 66 students from Form 4 to Upper Six from various schools participated in the 2-day event in which they were required to spell words from the fields of science, mathematics, information technology, geography, history, literature and general knowledge.

In the preliminary round, the students were required to spell five words each correctly in order to qualify for the first round. In the first round, the semi-final and the final round, the students were asked to spell 10 words each. All the words had to be spelt

within 30 seconds.

When asked to comment on the competition, Puan Affiana Kadri, one of the judges from the Language Department said, it was a productive effort that could promote awareness of English Language use in various subject areas.

"The contest is a challenge of linguistic intelligence not only to the participants but also to the judges themselves. Some of the words tested on the students were difficult words to spell and pronounce," she said adding that the same competition could even be organized for pre-university students.


Aldrin Wong Shen Wee from SMB St Thomas was adjudged the first winner of the competition, followed by Felicity Kuek Wen Ik from SMB St Joseph in the second and Joash Wee Ci Kai from SMB Kuching High in the third placing.

## Vice-Chancellor's Award Rosainie Roslan

Cindy Wee

A group of 266 students from 17 faculties received the Dean's list awards for achieving outstanding results of Grade Point Average (CGPA) of 3.5 and above from Dato' Dr. Ir. Sahol Abdul Hamid. This special award presentation ceremony was held on 5 February 2005 at Holiday Inn, Kuching. The director of UiTM Sarawak, Associate Professor Dr. Abdul Rahman Deen, in his speech encouraged students to spread the success fever to others. He also added, "We want more students to excel, not only academically but in all aspects so that they can become better persons".

Ahmad Rosainie Roslan who obtained a degree in Bachelor of Business Administration (Marketing) was presented with the Vice Chancellor's Award. Ahmad, when asked how he felt about his achievement said, "I feel honoured and thankful to God, my parents, my younger brother, fellow lecturers and friends who inspired me to obtain such an achievement. Actually I wish my friends were on the same level as well because we had worked together since the beginning". His advice to the students is "recognize your own abilities and before you have the willingness and initiative to help others, be sure to help yourself first. It's never too late to change"



Ahmad who is now a part-time lecturer, feels appreciated and honoured to be able to share all that he had learned and experienced to fellow students

here – a place where he was "bred" and "raised". He hopes to expand his knowledge and enrich his experiences because he believes that "the process of learning keeps us alive and moving".

## Taklimat Pangkalan Data dan Taklimat SKT

Wan Salbiah

Pada 29 Januari 2005, bertempat di Dewan Kuliah Satu, dua taklimat telah diadakan iaitu Taklimat Pangkalan Data dan Taklimat SKT. Taklimat ini telah dihadiri oleh Pengarah Kampus, Timbalan Pendaftar, Encik Lotfi Hj Ariffin dan juga pensyarah-pensyarah.

Taklimat Pangkalan Data yang bermula pada pukul 9.00 pagi, disampaikan oleh Encik Lee Beng Yong, pensyarah dari Unit IT. Tujuan taklimat ini diadakan ialah untuk menerangkan kepada pensyarah-pensyarah cara-cara untuk merekodkan data-data penyelidikan di dalam laman web UiTM. Ketua Penyelidikan bertanggungjawab untuk mengisi data-data rekod dan mengemaskini rekod penyelidikan. Ini akan membolehkan orang ramai mengetahui tentang penyelidikan yang terdapat di UiTM Sarawak. Taklimat ini telah berakhir pada pukul 9.45 pagi.

Menyusul selepas itu adalah taklimat SKT yang disampaikan oleh Profesor Madya Hjh Baduyah Obeng. Beliau merupakan ketua bagi Ahli Jawatankuasa SKT yang terdiri daripada 13 orang ahli. Ahli-ahli AJK SKT ini merupakan bekas-bekas Ketua Program, bekas-bekas Ketua Unit dan ada juga segelintir orang baru. Taklimat ini telah diadakan sebagai hasil daripada mesyuarat serta perbincangan yang telah diadakan oleh AJK tersebut.

Tujuan taklimat ini diadakan ialah untuk menerangkan tentang garis panduan pengisian Borang Penilaian Prestasi (SKT) dan juga kriteria pemarkahan.

Beberapa soalan telah dikemukakan berkaitan dengan kriteria pemarkahan. Antaranya ialah samada penyediaan laman web untuk organisasi akan diambil kira (inovasi) untuk pemarkahan: samada kerja-kerja teknikal seperti penyiasatan tanah runtuh adalah termasuk di bawah perundangan dan persoalan tentang markah tidak diberi jika pensyarah dibayar untuk membuat perundangan dengan pihak luar.

Maklumat penting seperti penulisan memerlukan bukti, laporan disiplin pelajar kemungkinan dikira untuk pemarkahan dan markah bonus akan diberi sekiranya banyak kod yang diajar, telah diterangkan dengan jelas. Perlu diketahui juga bahawa SKT sebenarnya disimpan oleh Bahagian Pentadbiran dan bukan Ketua Program.

Taklimat ini telah tamat pada pukul 11 pagi. Sewajarnya taklimat seperti ini diadakan memandangkan ia amat bermanfaat kepada pensyarah-pensyarah untuk menjawab persoalan tentang pengisian borang SKT dan kriteria pemarkahannya.

## Benchmarking UiTM Perak : Reception par excellence!

Helen Pereira



Quality in every aspect of life is serious business in UiTM. Each year all campuses of UiTM throughout Malaysia vie for the much sought-after Quality Awards. Thus far, Sarawak has successfully won the Vice-Chancellor's award twice in a row. Far from resting on its laurels, UiTM Sarawak is constantly seeking to improve itself. One of the ways it tries to keep pace is to benchmark other campuses in an effort to investigate, implement and improve its system and services.

The Quality Committee of UiTM Sarawak paid an inaugural visit to the Perak UiTM campus. The reception and hospitality were so overwhelming. One of the first things that caught my eyes was the scrupulously clean bus that was sent to receive us. It was so clean that one could eat off it! The secret behind this is that in the Perak campus, each driver is given two vehicles under his care. This gives him a sense of ownership and guardianship of the vehicle for which he cares with pride and joy. Now, there's food for thought.

On the evening of our arrival, we were feted to a sumptuous dinner

at the home of the Quality Unit Head, TP(HEP) Prof Madya Nazri Kulup Mahmud and his gracious wife, Pn Ham-Jamalidah Hj Kamarun.

The following morning, the Pengarah of the Perak campus, Prof Madya Dr Abdullah gave us a briefing on the quality initiatives in his campus. The presentation laced with delicious humour was absolutely delightful. It was very informative and enlightening. The question and answer session that followed was a generous exchange of information and ideas. What absolutely took us by surprise was the presentation of souvenirs to each of the committee members – a most generous gesture indeed!

Following an elegant sit-down lunch, PM Dr Abdullah gave a candid grand tour of the sprawling grounds of the Perak campus. One can only look with awe at the vastness of the campus and the blocks that housed each individual faculty. What was most astonishing was the absolute cleanliness of the whole campus – from the washrooms to the corridors. Even the compound was free of leaves.

One memorable stopover was at the 'Fakulti Seni Lukis dan Seni Rekaan' where we saw an amazing display of art and pottery produced by the students. Some of the pieces were so exquisite there were enquiries whether they were on sale.

A special mention of thanks to Prof Madya Mazlan Abdul Malek, who was a most congenial guide throughout our visit. Thank You, UiTM Perak.



## Berkampung di Santubong

Rafidah Nawawi

Tanggal 5 & 6 Febuari 2005 yang lepas telah diadakan satu ekspedisi mendaki Gunung Santubong yang telah dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Perwakilan Komander Kesatria (JPKK) dan Unit Kesatria. Seramai 80 peserta yang terdiri daripada komander Kesatria telah terlibat dalam ekspedisi ini.

Pada 5 Feb mereka telah berkampung di

bekas tapak Dayang Seafood di kaki Gunung Santubong. Pelbagai aktiviti telah diadakan di sebelah malam.

Keesokan harinya ekspedisi bermula seawal jam 7.30 pagi. Sememangnya jalan yang telah disediakan amat mencabar fizikal dan mental para peserta. Ini kerana semakin banyak hakisan tanah dan menyebabkan para peserta untuk berpaut lebih banyak kepada akar kayu yang menjalar di atas tanah. Tepat jam 9.50 pagi peserta pertama telah pun tiba di puncak. Semua peserta ekspedisi kali ini telah berjaya menamatkan cabaran Santubong.

Sememangnya pendakian gunung amat meletihkan. Walaupun letih tetapi kepuasan yang dicapai sewaktu tiba di puncak dan

pemandangan yang indah sepanjang pendakian tidak akan dilupakan dan menyebabkan keletihan itu tidak terasa lagi.

Diharapkan agar JPKK dan Unit Kesatria akan meneruskan aktiviti seperti ini di masa hadapan.



## PEWANI rewards PMR heroes

*Helen Pereira*

'If one child in a family is sitting for a public examination the mother feels the stress and anxiety, but if two or more children are sitting for public examinations then it is one long nightmare for the mother!' **Prof Madya Dr Margaret.**

All cramming and preparations of a whole year culminates in the public examination. So when examination results are released each year, parents are either elated or disappointed depending on the outcome of the results. To acknowledge children of the staff who have done well in the examinations, the PERSATUAN WANITA UiTM (PEWANI) presents monetary awards to them each year.

This year 13 students qualified for the awards. It was to be a time to honour the hardworking lads and lasses. However, many of the students were unable to be present at the prize-giving ceremony as most schools were having replacement classes that Saturday. So, it was the mothers who received the awards on their children's behalf.

'I owe my success to my parents who took an interest in my studies ever since I was young. My father taught me mathematics and that got me interested in it,' said Eric Jau, one of the recipients who was present. This Orang Ulu lad scored 6 distinctions in his PMR. His proud mother is Pauline Jau, from Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat'

'I really don't like studying, but I do a lot of revision,' said



Amanda Xhiew, the precious little daughter of Prof Madya Ong Mei Lian who scored straight As in her UPSR. Congratulations to all the winners!

## 5S visits NPC

*Ellen Chung*

5S, under the new leadership of Miss Angel Helen, visited National Productivity Corporation (NPC) on February 5, 2005. There were 35 of us, comprising both lecturers and administration staff. This benchmarking visit was in line with UiTM's effort to continuously improve 5S practices in the work place. 5S is a Japanese acronym for SEIRI, SEITON, SEISO, SEIKETSU, and SHITSUKE. SEIRI means the sorting out and discarding of unnecessary items in the workplace; SEITON means arranging necessary items in good order so that they can easily be selected for use

while SEISO means to clean the workplace completely so that there is no dust on floors, machines or equipment. SEIKETSU is to maintain the workplace so that it is productive and comfortable by repeating the SEIRI-SEISO-SEITON steps. SHITSUKE is to train people to follow good work habits and to strictly follow workplace rules.

One of the consultants at NPC, Puan Nor Robaayah Mohd Noor, gave us a talk on 5S best practices at work place. We were then brought around to visit the offices on ground and first floor where 5S was being practised. It was an eye-opener for us as the offices were clean with clear labeling. Everything was in its place (when not in use).

Finally we were ushered back to the library. Before we bade farewell, tokens of appreciation were exchanged. It was indeed a fruitful benchmarking visit.

# Innovative Thinking

What is meant by the expression "innovative thinking"? Being innovative is typically considered to be in the realm of creating and devising new ideas. But what makes them new? Perhaps more to the point - for whom are they new? And where do these ideas come from - what is their source? Let's attempt to address these questions.

The term "innovation" is derived from the Latin "novare", meaning "to renew". As was stated above, innovation is often associated with something that is new, but the original meaning of the word is "renew". Perhaps this captures the notion that there are probably very few genuine ideas in the world, but simply different ways of reworking, reshaping and combining existing ideas, so that they become renewed. They are regarded as being new because they have not occurred to those who become aware of them. However, every innovation is built from a foundation of existing ideas. New ideas do not emerge from nowhere. What makes them seem new is that they are seen in a different light or, they are observed differently. This is why you might occasionally have heard someone say "Why didn't I think of that?", recognising that they were quite capable of having generated the thought(s) someone else did.

This notion of renewing is captured in some approaches to effective communication, which includes teaching, sports coaching and psychotherapy. The underlying premise is that the source of new ideas is "the answer within". By this is meant that the solution to a difficulty does not come from a source external to the person (observer) faced with the difficulty. Through skilful conversation a teacher, a therapist or a coach can facilitate different, and more productive ways, of viewing the difficulty, and so take the person down a different path in their thinking, one that throws up ideas they were not utilising already, but did not access in their old ways of thinking. Within their thinking capability most people have the ideas that contain solutions, but they simply haven't observed things differently to gain access to these ideas.

A skilful conversationalist can be a very resourceful servant in facilitating different ways of observing, ways that reveal different, and seemingly new, ways of thinking about a circumstance. The different thinking derives from different ways of perceiving, which can be expressed as follows:

"Making things anew is not my style. Seeing things anew - from an odd angle, in an unexpected light, coloured differently - is more to my liking." .... Robert Dessaix

The essence of innovative thinking is about seeing things differently, which results from taking a fresh look at a situation. It is the different way of looking at things that generates new ideas, these ideas being the expression of a different

perspective. An idea is a conception, a way of conceiving and perceiving the world. Different ideas themselves may also generate novel perspectives. New possibilities appear, like an unveiling of something that was always there but could not be seen from another vantage point. From this different perspective a range of different, and more productive and constructive, strategies and courses of action become apparent.

Different ways of thinking, and the generation of different and "new" ideas are produced from different ways of being and observing. Personal change and more resourceful and innovative thinking go hand in glove. Different ideas produce different practices, and continually being in the realm of generating different ideas provides the foundation for the development of flexibility in dealing with the ever-changing circumstances that repeatedly confront organisational leaders. Organisational transformation is about putting new ideas into practice, and new practices are about different ways of being.

Probably one of the most significant learning challenges facing leaders can be expressed in the following question. "How can they become different observers, aware not only of their own observing, but also how they can shift from habitual ways of observing which may not serve them or their organisations sufficiently to deal with the vicissitudes of the business world?"

( Extracted from an article entitled " Innovative Leadership & Second Order Learning - Part 1" by Alan Sieler -[http://www.newfieldaus.com.au/Articles/innovative\\_leadership.htm](http://www.newfieldaus.com.au/Articles/innovative_leadership.htm) )

## A visit from new Dean of the Faculty of Applied Sciences *Abdul Rahman Sali*

On 4 February 2005, all the lecturers of the Faculty of Applied Sciences had a meeting with a newly appointed Dean of Faculty of Applied Sciences, Prof Madya Dr Mohamad Kamal Hj Harun at Bilik Mesyuarat Utama. We were very glad to meet the new Dean together with the familiar face, the previous Dean, Prof Dr Ahmad Sazali Hamzah. He is now the director of the Institute of Science. We had the opportunity to thank Prof Dr Shazali for all his support and welcome the new dean, who we believe will contribute a lot to the Faculty of Applied Sciences and UiTM as a whole. The meeting ended with a short visit to the facilities that we have around the campus.



## Majlis Ibadah Korban

*Ustaz Husaini Abdul Razak*



Pada 22 Januari 2005 yang lalu, UiTM Kampus Samarahan dan Bahagian HEP telah mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena menyambut Hari Raya Aidil Adha. Majlis ini adalah di bawah kelolaan CITU ( Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam )

Selain untuk ibadah, majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan di antara staf/kakitangan dengan para pelajar dalam konteks kerjasama dan tolong menolong. Semangat kekitaan serta kerjasama yang erat antara semua pihak dapat dilihat melalui sikap tolong menolong dalam memproses lembu yang telah disembelih serta kerja-kerja memasak. Majlis Ibadah Korban pada kali ini agak mencemaskan apabila berlaku insiden lembu terlepas dari ikatan sebanyak dua kali. Alhamdulillah, hasil kerjasama semua pelajar ia dapat ditangkap semula.

Pada tahun ini lembu yang dikorbankan disumbangkan oleh :

1. Encik Juan Mohd Jalil (3 bahagian)
2. Encik Raduan Sabawi (aqiqah)
3. Puan Jauyah Hj Abang
4. Puan Epon Hj Piee (allahyarhamah)
5. Puan Kamisah Mat Salleh

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Majlis Ibadah Korban ini terutama sekali kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Ibadah Korban 2005 yang dipengerusikan oleh Timbalan HEP, PM DR Hj Abg Ahmad Rizuan Abg Awit .



## Epon Dalam Kenangan (Al-Fatihah)

*Wan Salbiah*

Allahyarhamah Epon bt Hj Piee telah mula berkhidmat di UiTM Sarawak pada 27 Julai 1973. Kerjaya beliau bermula di Bahagian Kewangan sehingga 1997, diikuti di Bahagian Akademik (PPL) dari 1998-2003. Kali terakhir beliau bertugas ialah di Bahagian Pentadbiran sebagai Pembantu Tadbir Kanan.




Sepanjang perkhidmatannya selama 31 tahun, beliau merupakan seorang staf yang bertanggungjawab dan tegas dalam menjalankan tugas, suka membantu rakan setugas, berpengalaman dalam bidang perkeranian dan banyak memberi tun-

juk ajar kepada rakan-rakan yang baru masuk dalam perkhidmatan. Oleh itu, beliau pernah menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Terpuji oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003.

Pada 9 Februari 2005, Allahyarhamah telah kembali ke rahmatullah selepas menjalani pembedahan jantung di Hospital Umum Sarawak. Beliau meninggalkan lima orang anak di mana empat daripadanya masih lagi bersekolah. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan bagi kita tetapi Tuhan lebih menyayanginya. Jasa beliau akan sentiasa dikenang di UiTM kita. Akhir sekali, semoga Allah mencurahi rahmat ke atas rohnyanya. AMIN



*"Sepanjang hayat allahyarhamah bersama kita di UiTM Sarawak semua kawan-kawan yang mengenali beliau merasakan pemergian beliau sangat-sangat dirasai. Beliau telah banyak memberi sumbangan dari segi pengalaman kerja dan amalan dari segi kebajikan. Semasa hayat beliau, seorang yang mudah tersenyum dan berkawan dengan semua lapisan masyarakat. Beliau senang diajak berbincang tentang apa jua masalah dan tidak lokek dengan pendapat. Semasa bertugas dengan Bahagian Akademik (KLK) beliau disenangi oleh pelajar-pelajar dari segi perkhidmatan beliau."*



## Sidang Redaksi

### Penasihat

*Prof Madya Dr. Abd Rahman Deen  
Prof Madya Dr Fatimah Bujang*

### Penyelaras Penerbitan

*Yuthandy Maniam  
MB 62/Ext 7680*

### Panel Editor

*Ng Kui Choo (Ketua)  
MB 79 / Ext 7667*

*Cindy Wee (Penolong Ketua)  
MB 20 / Ext 7662*

*Sharifah Zakiah  
MB 199 / Ext 7683*

*Prabha Ramakrishnan  
MB 147 / Ext 7677*

*Helen Pereira  
MB 182 / Ext 7623*

*Ellen Chung  
MB 122 / Ext 7656*

*Wan Salbiah Wan Othman  
MB 115 / Ext 7655*

*Abdul Rahman Sali  
MB 189*

### Wakil Perpustakaan

*Saptuyah Rosli  
Ext 207*

### Wakil Pelajar

*Rafidah Nawawi*

### Grafik dan Percetakan

*Yuthandy Maniam*

### Bantuan Teknikal

*Abdul Khalid Karim*

### Sirkulasi

*Ahmad Lotfi Ariffin  
Sabariah Mohd Apandi*

*Orang berbudi, kita berbahasa, orang memberi kita merasa*

